

Produktiviti sebagai 'game changer'

DR KHALID ABDUL HAMID

Produktiviti dianggap sumber utama kepada pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara. Semakin tinggi produktiviti sebuah negara, semakin tinggi taraf hidup dan lebih banyak pilihan untuk mencapai kehidupan lebih sejahtera. Kesejahteraan boleh ditingkatkan melalui peningkatan produktiviti dalam bidang seperti kesihatan dan pendidikan; perhubungan dan infrastruktur; keselamatan dan persekitaran serta sokongan kepada mereka yang memerlukan.

Produktiviti sering ditakrifkan sebagai nisbah antara pulangan jumlah output daripada kesan penggunaan jumlah input. Pertumbuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) mendefinisikan produktiviti sebagai nisbah jumlah output kepada jumlah input.

Produktiviti mengukur tahap kecekapan penggunaan input pengeluaran seperti modal dan buruh dalam ekonomi bagi menghasilkan output yang diperlukan.

Oleh itu, sekiranya output sesuatu usaha itu tinggi manakala inputnya pula adalah tetap atau sama keadaannya, pulangan hasil produktiviti sudah tentu tinggi. Tetapi sebaliknya, sekiranya output masih sama atau terpaksa menambah lebih banyak input bagi output yang sama, sudah tentu produktiviti akan menjadi rendah.

Aktiviti pengukuran produktiviti merupakan satu instrumen yang digunakan untuk memantau tahap produktiviti dan mengaitkan petunjuk kepada objektif strategik yang lain dalam sesebuah negara.

Secara umumnya, terdapat dua cara pengukuran produktiviti iaitu produktiviti pekerja (mikro) dan produktiviti faktor menyeluruh (total factor productivity atau TFP) (makro).

Produktiviti pekerja mengukur output ekonomi (KDNK) per unit buruh, manakala TFP berkait dengan output gabungan penggunaan faktor input utama, iaitu buruh dan modal.

Dari aspek keseluruhan pula, produktiviti pekerja boleh dihami-

kan dengan tiga komponen iaitu modal berkualiti, buruh berkualiti dan TFP.

TFP adalah suatu alat mengukur kecekapan dalam penggunaan input. Input yang berkualiti secara langsung menghasilkan penajaan lebih output terutama apabila input digunakan secara efektif dan cekap.

Namun TFP kemudian menjadi sebahagian pertumbuhan output yang tidak dapat dijelaskan dengan perubahan kuantiti atau kualiti faktor input. Sebaliknya ia menunjukkan perubahan dalam teknologi, pengetahuan, organisasi dan kecekapan.

Justeru, pertumbuhan produktiviti juga menentukan taraf hidup rakyat dan negara masa hadapan. Pertumbuhan ini bergantung pada beberapa faktor seperti pengembangan kuantitatif modal fizikal per pekerja (atau intensiti modal) dan pertumbuhan TFP yang mengukur peningkatan dalam aspek kualitatif input buruh dan modal serta tahap kecekapan.

Menerusi Pelan Induk Produktiviti Malaysia, sasaran per-

tumbuhan minimum produktiviti pekerja sebanyak 3.7 peratus setiap tahun sehingga 2020 telah ditetapkan dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Pelan induk itu turut menggariskan lima teras strategik, 10 inisiatif nasional, 43 inisiatif sektor dan 16 tindakan.

Apabila memperkatakan produktiviti, modal insan atau tenaga kerja merupakan pemacu utama. Di sini, Malaysia mencatatkan pertumbuhan produktiviti buruh 3.5 peratus kepada RM78,218 pada 2016 berbanding RM75,548 pada 2015. Pencapaian ini adalah lebih baik berbanding purata pertumbuhan dua peratus setahun yang dicatatkan antara 2010-2015.

Setakat ini, Malaysia mencapai 84.7 peratus daripada sasaran RM92,300 yang ditetapkan pada 2020 nanti. Dengan prestasi itu, negara berada pada landasan kukuh untuk mencapai sasaran pertumbuhan 3.7 peratus produktiviti buruh memasuki fasa 2020 nanti.

Dalam kalangan negara Asia terpilih dari segi produktiviti setiap buruh yang dibayar gaji da-

lam Dolar Amerika Syarikat (AS), Malaysia mendahului pada kadar 21,564 US Dolar mendahului China (14,030 US Dolar), Thailand (10,350 US Dolar), Filipina (7,536 US Dolar) dan Indonesia (7,507 US Dolar). Menyentuh mengenai produktiviti buruh di sini, modal insan yang berpendidikan dan berkemahiran menjadi pertumbuhannya dalam perjuangan untuk menggandakan produktiviti pekerja.

"*Productivity is everything* during the long run is almost everything" demikian Paul Krugman (1994) pernah mengungkapkan. Selanjutnya pakar ekonomi terkenal itu menegaskan bahawa keupayaan sesebuah negara untuk meningkatkan taraf hidup rakyatnya bergantung penuh kepada keupayaan untuk meningkatkan produktiviti pekerja.

Bagi Malaysia untuk mencapai tahap negara maju berpendapatan tinggi, maka produktiviti merupakan *game changer* penting untuk merealisasikan aspirasi tersebut.

*Penulis ialah Felo Penyelidik Kanan Institut Tadbiran Awam Negara (Intan)